

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKAN LONGKANG MONSUN DAN SUNGAI**

41. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan jadual penyelenggaraan longkang monsun dan sungai di DUN Teratai.
- b) Berapakah tempoh masa untuk pemprosesan permohonan untuk pembaikan tebing longkang monsun dan tebing sungai yang telah runtuh?

**JAWAPAN:**

- a) Sebanyak 6 kerja penyelenggaraan berkala yang dibuat sebanyak 12 kali/ setahun. Manakala kerja penyelenggaraan *one off* yang dibuat secara undian melibatkan 4 kawasan/ kerja.
- b) Tempoh masa untuk pemprosesan permohonan untuk pembaikan tebing longkang monsun dan tebing sungai yang telah runtuh selepas lawatan tapak bersama pengadu bergantung kepada tahap kerosakan. Sekiranya anggaran kerosakan di bawah RM20,000.00 kerja-kerja dijangka boleh disiapkan di dalam masa 14 hari. Namun begitu, sekiranya kerosakan serius dan anggaran kerja melebihi RM20,000.00 masa yang diambil untuk pembaikan adalah dua hingga tiga bulan.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

### **1) Senarai kerja berkala (12 Kali Setahun):-**

- i. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Pembersihan Perangkap Sampah Di Sungai Ampang, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat
- ii. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Pembersihan Perangkap Sampah Di Sungai Seputeh, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat
- iii. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Pembersihan Rezab Sungai Seputeh, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat
- iv. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Pembersihan Rezab Anak Sungai Kerayong, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat
- v. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Pembersihan Rezab Sungai Ampang, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat
- vi. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Dan Pembersihan Rezab Sungai Kerayong, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat

### **2) Senarai Kerja Undi 2018 ( Sekali setahun):**

- i. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kawasan Rezab Anak Sungai Ampang Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Taman Kosas, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat
- ii. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kawasan Rezab Sungai Seputeh Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kg. Tasek Permai, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat
- iii. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kawasan Rezab Sungai Seputeh Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Kawasan Perindustrian Hatta Square, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat
- iv. Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kawasan Rezab Anak Sungai Seputeh Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Pandan Indah, Mukim Ampang, Daerah Hulu Langat

Bagi penyelenggaraan longkang monsun telah diserahkan kepada pihak PBT berdasarkan keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 5 April 2006 kertas EXCO-MTES No.23/7/2006 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Ke 8/2006 bertarikh 19 April 2006 mengambil

maklum dan bersetuju supaya penyelarasan kerja-kerja penyelenggaraan jalan, parit dan longkang dilaksana oleh JKR dan PBT, sementara JPS hanya menyelenggarakan sungai sahaja. Sampah dan kerosakan yang terdapat di *moonsun drain* akan diselenggara oleh PBT. Mesyuarat juga melalui surat no. rujukan (43)dlm.MMK.SEL.(R)30101/7/18 Jld.26 bertarikh 20 April 2006 memutuskan semua longkang dan parit diselenggara oleh PBT dan JKR mengikut fungsi masing-masing.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PAKEJ SEPADU USAHAWAN HINGGA BERJAYA**

42. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila kemukakan senarai skim -skim pembangunan usahawan di Selangor.
  - b) Sila kemukakan senarai usahawan-usahawan yang berjaya melalui skim-skim tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan telah memperuntukkan sebanyak RM8.35 juta bagi tahun 2018 untuk melonjakkan pembangunan usahawan di Negeri Selangor. Program-program yang dirancang merupakan program yang menyeluruh yang meliputi bantuan di peringkat asas sehingga peringkat tertinggi. Bantuan-bantuan yang diberikan meliputi Dana Usahawan Mikro Selangor, Pameran/Ekspos Tempatan Dan Luar Negara, Kursus/Latihan dan Program Pembungkusan Produk *Made In Selangor*. Manakala, melalui agensi HIJRAH Selangor memberikan pinjaman mikrokredit kepada usahawan yang ingin memulakan perniagaan.

Bermula tahun 2017 Kerajaan Negeri telah menjalankan Program Pembinaan Upaya Usahawan India Selangor yang bertujuan untuk memacu ekonomi kaum India di negeri ini.

Dana Usahawan Mikro Selangor merupakan geran perniagaan berbentuk *non-monetary* bagi membantu usahawan mempertingkatkan perniagaan. Bagi penerima Dana Usahawan Mikro, produk usahawan yang berpotensi akan dipilih untuk menyertai pameran dan ekspos yang disertai oleh Kerajaan Negeri Selangor pada setiap tahun. Manakala bagi produk yang mempunyai potensi ke luar negara, usahawan akan dijemput untuk menyertai program peningkatan pembungkusan yang dijalankan secara usahasama dengan SIRIM Berhad bagi mempertingkatkan pembungkusan dan pensijilan produk.

**i) DANA USAHAWAN MIKRO SELANGOR**

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pembangunan Usahawan memberikan bantuan kepada usahawan mikro melalui sembilan (9) daerah di Negeri Selangor. Dana Usahawan Mikro Selangor merupakan program khas untuk membantu usahawan mikro di Negeri Selangor bagi meningkatkan hasil jualan dan sekaligus melahirkan usahawan-usahawan

yang berdaya tahan, berdaya saing dan berdaya maju. Setiap tahun sekurang-kurangnya 100 usahawan mendapat manfaat daripada bantuan ini.

Setiap tahun Kerajaan Negeri memperuntukkan sebanyak RM250,000.00 bagi setiap daerah untuk menyalurkan bantuan kepada pemohon yang layak. Seorang pemohon layak menerima bantuan sehingga RM30,000.00. Skop bantuan adalah seperti berikut:

- Bantuan pembelian mesin / peralatan / perkakasan;
- Meningkatkan kualiti premis/ perniagaan iaitu mengubahsuai/ menaiktaraf;
- Pembiayaan sebahagian kos penyertaan usahawan ke ekspos jualan dan promosi di dalam dan luar negara;
- Pembiayaan sebahagian kos untuk pembangunan produk dan pensijilan seperti ujian nutrisi, pendaftaran cap dagang, pencarian dan pendaftaran paten, perlindungan harta intelek, persijilan GMP, HALAL, HACCP, ISO dan lain-lain dalam mematuhi standard nasional, antarabangsa dan menembusi pasaran global; dan
- Lain-lain keperluan yang mempunyai nilai tambah dan mampu melonjakkan pembangunan usahawan mikro di Negeri Selangor.

**ii) PAMERAN/ EKSPO**

Salah satu langkah bagi mengembangkan lagi permintaan pasaran produk para usahawan di negeri Selangor adalah melalui ekspos dan pameran. Setiap tahun, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan akan menyertai ekspos dan pameran tempatan yang bertaraf antarabangsa seperti *Penang International Halal Expo Conference (PIHEC)*, *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)*, *Selangor International Expo (SIE)* dan *Malaysia Halal Festival (HALFEST)*. Usahawan yang berkelayakan akan ditawarkan untuk menyertai ekspos/pameran ini bagi mewakili delegasi Negeri Selangor.

**iii) KURSUS/ LATIHAN**

Selain itu, bagi usahawan di peringkat permulaan, Kerajaan Negeri menganjurkan kursus-kursus bagi memberi pendedahan tentang bagaimana untuk mempersiapkan produk mereka sekurang-kurangkan untuk menembusi pasaraya tempatan. Modul kursus terdiri daripada asas perniagaan dan kewangan, penjenamaan produk, pensijilan produk serta pemasaran online dan ke rangkaian pasaraya.

**iv) PROGRAM PEMBUNGKUSAN PRODUK MADE IN SELANGOR**

Untuk membawa produk ke tahap yang lebih tinggi Kerajaan Negeri telah mengadakan program ini khususnya kepada usahawan yang sudah bersedia meluaskan pasaran ke pasaraya rantaian dan ke peringkat antarabangsa. Peserta yang mengikuti program ini akan menerima pensijilan produk, carian jenama dan cetakan pembungkusan.

**v) PROGRAM PEMBINAAN UPAYA USAHAWAN INDIA SELANGOR**

Program ini bertujuan untuk membantu usahawan India yang berpotensi berkembang maju di dalam bidang perniagaan. Di samping itu, ianya adalah program keperluan dalam menyediakan usahawan India menjadi lebih berdikari dan mampu untuk menjana mobiliti. Peserta akan diberikan pembangunan latihan dan pengupayaan untuk membina kepakaran, penyediaan cadangan projek selain daripada pengurusan pemasaran dan kewangan. Antara modul yang telah dirangka adalah peserta akan menyertai latihan berbentuk kemahiran bersama syarikat peneraju/ mentor terpilih dan akan dipantau selama tiga (3) hingga enam (6) bulan bergantung pada industri yang terpilih. Di dalam tempoh latihan tersebut, peserta akan diberi peluang untuk terus mengendalikan perniagaan mengikut jenis latihan yang diceburi dan dipantau oleh syarikat peneraju. Program ini akan dilaksanakan secara berperingkat. Pada tahun 2017, seramai 418 orang telah menyertai program ini yang dilaksanakan di enam (6) daerah di Negeri Selangor.

Pada tahun 2018, sebanyak RM3 juta telah diperuntukkan bagi meneruskan program Pembinaan Upaya Usahawan India Selangor. Dianggarkan lebih 1000 orang peserta akan menyertai program ini bagi menjadikan kaum India di Negeri Selangor lebih berdikari dan berdaya saing sekaligus meningkatkan lagi ekonomi kaum India di Negeri Selangor.

**vi) PINJAMAN MIKROKREDIT HIJRAH SELANGOR**

HIJRAH Selangor menyediakan pinjaman kewangan berperingkat bermula tahun 2015. Sebelum ini program pinjaman kewangan ini dikenali sebagai Mikrokredit Bersepadu yang menggabungkan skim-skim mikrokredit SKIMSEL, MIMBAR dan WALA yang telah dilaksanakan semenjak tahun 2010. Ia merupakan satu sistem pengeluaran modal yang mudah, cepat dan tidak membebankan kepada penaja dan peniaga kecil yang menghadapi masalah kekurangan modal, dan peluang mendapatkan modal tambahan. Pinjaman berperingkat ini dikategorikan mengikut skim 1-4 dan jumlah kelulusan diberikan sehingga RM50,000.00 mengikut syarat-syarat tertentu. Selain memberikan kemudahan pinjaman, HIJRAH Selangor mempunyai program bersepadu iaitu *Zero to Hero* yang melatih untuk menjadi usahawan berjaya.

- **Program Skim *Zero to Hero***

Skim ini berbentuk "system mentoring" yang akan melatih dan memantau usahawan dari peringkat asas sehingga berjaya. Syarikat peneraju (*anchor company*) akan dilantik untuk melatih usahawan baru. Setelah tamat latihan, peserta yang layak akan dipertimbangkan untuk pinjaman HIJRAH Selangor. Syarikat peneraju (*anchor company*) akan membekalkan peralatan dan bahan perniagaan untuk usahawan memulakan perniagaan. Perjalanan perniagaan akan dibimbing/dipantau oleh syarikat peneraju (*anchor company*) selama 6 bulan. HIJRAH Selangor akan memantau seterusnya dan memastikan perniagaan berjalan dengan baik dan berdaya maju. Kejayaan usahawan berkenaan merupakan kayu pengukur kejayaan HIJRAH Selangor. Setakat ini terdapat 21 peserta yang telah menyertai program skim *Zero to Hero* dan peserta-peserta tersebut telah dapat menyelesaikan pinjaman kurang dari 1 tahun bagi tempoh pinjaman 3 tahun.

- b) Usahawan Negeri Selangor yang menerima bantuan Dana Usahawan Mikro diberi peluang untuk menyertai program-program oleh Kerajaan Negeri untuk ke peringkat seterusnya. Bagi produk-produk yang mempunyai potensi untuk dikembangkan ke pasaran tempatan, usahawan dijemput untuk menyertai program-program jelajah seperti *Made In Selangor* di pasaraya rangkaian. Bagi usahawan yang mempunyai produk sedia untuk diekspor, mereka akan dijemput untuk menyertai pameran dan ekspo tempatan yang bertaraf antarabangsa dan pameran di luar negara. Berikut merupakan usahawan yang menyertai program-program di bawah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan:-

BIL	NAMA	PRODUK
1.	Norli binti Yusop (4P 2016-T1) (Yusa Food Products Sdn. Bhd.)	Rocky White Cookies, Popiah Seaweed
2.	Onnie Zurin Abu (OZA) (Kolam Emas Sdn. Bhd.)	Kek buah dan brownies
3.	Mohd Suhaidi bin Jaapar (Palm Fiber Sdn. Bhd.)	Minuman Kesihatan - EG Teh Fiber
4.	Encik Abdul Munif bin Muhammad Redzuan (EMZ Enterprise)	Produk kesihatan kolagen
5.	Y.M. Tengku Muazam Kamal Bin Tengku Mahmood (AOM Food Industries)	Coklat
6.	Mohammad Salmi Bin Mansor (Shweets Chocolate and Confectionaries)	Coklat

BIL	NAMA	PRODUK
7.	Ummul Amira Binti Omar (Citra Klasik Bakery & Cafe )	Sambal
8.	Encik Mahadi bin Baharudin (Dinkopi Sdn. Bhd.)	Kopi
9.	Puan Nur Faizah Binti Md Salleh (Faiza Amer Enterprise)	Sos cili korea
10.	Encik Muhammad Qayyum Bin Mohd Paimin (Kerayong Foods)	Pop corn (goodies pack)
11.	Puan Azariah Binti Arsad (Azza Trading & Enterprise)	Kopi 3 in 1
12.	Puan Fara Jasseica Binti Mohd Rashid (MIWA Manufacturing Sdn. Bhd.)	Minuman jeli
13.	Puan Rosila Binti Mohd Rosidi (Dhuha Tensai Resources)	Sos korea
14.	Dr. Mohamed Zairul bin Mohd Yunus (Samza Food Industries)	Sambal
15.	Muhaini binti Md Ridzwan (Izzy Nezs Sdn. Bhd.)	Minuman kesihatan-sarang burung
16.	Ismaliza binti Ismail (Ell Medina Food Trading)	Brownies cookies dan tepung segera
17.	Puan Wan Anisah Binti Wan Shamsuddin (Async Trade Sdn. Bhd.)	Sosej

Sehingga Mac 2018, terdapat 9,246 usahawan yang membuat pinjaman berulang mikrokredit HIJRAH Selangor yang bernilai RM165,806,00.00. Ini bermakna perniagaan usahawan semakin berkembang maju dengan membuat pinjaman semula. Manakala bagi peserta program skim *Zero to Hero*, sebanyak 16 peserta telah berjaya membayar balik pinjaman kurang dari tempoh 1 tahun bagi tempoh pinjaman 3 tahun. Berikut merupakan peserta program skim *Zero to Hero* :

NO.	NAMA PESERTA	SYARIKAT PENERAJU	CAWANGAN	KEJAYAAN
1.	Noor Hamimah Binti Mohamed	Tini Spa	Hulu Langat	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
2.	Jamilah Binti Juremi		Puchong	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
3.	Kusmawati Binti Kusaini		Puchong	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
4.	Nor Nadzimah Binti		PJS	Pinjaman selesai kurang dari

NO.	NAMA PESERTA	SYARIKAT PENERAJU	CAWANGAN	KEJAYAAN
	Mohamad	AMC Sdn. Bhd.		setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
5.	Normuliati Binti Ibrahim		Shah Alam	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
6.	Sulida Binti Zambri		Kelana Jaya	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
7.	Rogayah Binti Haron		Sepang	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
8.	Norashikin Binti Wahab		Pandan	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
9.	Syazana Binti Kamaruzaman		Ampang	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
10.	Haslina Binti Hashim		Kota Raja	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
11.	Ruzian Binti Hashim		Kota Raja	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
12.	Nur Zaimah Binti Amri		Puchong	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
13.	Kamisah Binti Hamid	Chommel Areca	Kuala Selangor	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
14.	Noor Zaliza Bt Razak		Kota Raja	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
15.	Shamsiah Binti Attan		Klang	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
16.	Hartini Binti Salleh		Gombak	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
17.	Yusri Bin Tawil		Kota Raja	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
18.	Mohd Rasid Bin Mohd Timiati		Kapar	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
19.	Muhammad Fikri Izzat Bin Wan Ghazali		Kapar	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian

NO.	NAMA PESERTA	SYARIKAT PENERAJU	CAWANGAN	KEJAYAAN
				pinjaman 3 tahun)
20.	Siti Fadzilah Binti Sukiman		Kapar	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)
21.	Zainal Badrul Bin Sabtu	ANQR	Kapar	Pinjaman selesai kurang dari setahun (tempoh perjanjian pinjaman 3 tahun)

Sumber : HIJRAH Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : SKIM INISIATIF PEDULI RAKYAT**

43. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan senarai lengkap skim-skim Inisiatif Peduli Rakyat serta syarat-syarat permohonannya.
- b) Sila kemukakan senarai penerima/ peserta lengkap skim-skim Inisiatif Peduli Rakyat tersebut.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri amat komited dan prihatin akan kesejahteraan rakyat di Negeri Selangor. Sehubungan dengan itu, beberapa inisiatif telah diwujudkan termasuk Program Inisiatif Peduli Rakyat (IPR) yang telah diwujudkan sejak tahun 2008. Senarai lengkap semua program di bawah Inisiatif Peduli Rakyat adalah seperti di Jadual 1 berikut:

**Jadual 1: Program di bawah Inisiatif Peduli Rakyat**

BIL.	PROGRAM	AGENSI
1	Smart Selangor Food Stamp	Seksyen Sektoral, UPEN
2	Program Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang	
3	Bantuan Bina dan Baiki Rumah (Kerajaan Prihatin)	
4	Program Pemberian Bantuan Baucer untuk Rakyat Miskin Bersempena Perayaan	
5	Program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan	
6	Program Kemahiran Teknikal – INPENS International College	
7	Dana Usahawan Mikro Selangor	
8	Bas Smart Selangor	Seksyen Makro dan Penswastaan, UPEN
9	Bekalan Air Percuma 20 Meter Padu Pertama	
10	Latihan Usahawan IT (SITEC)	SITEC (Invest Selangor Berhad)
11	Program Mentor Kraf	Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, UPEN
12	Skim Peduli Sihat	
13	Panel Dialisis Sihat Selangor	

BIL.	PROGRAM	AGENSI
14	Bantuan Sihat Selangor	
15	Saringan Sihat Selangor (3S)	
16	Pengecualian Cukai Pintu dan Fi Lesen	
17	Hadiah Pengajian IPT	
18	Bantuan Sara Diri Anak Selangor	
19	Program Khas Peduli Siswa	
20	Program Khas Biasiswa Selangorku	
21	Biasiswa Khas Sagong Tasi	
22	Program Khas Selangor Brain Bank	
23	Pinjaman Pelajaran Negeri Selangor (Tabung Kumpulan Wang Biasiswa)	Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, SUK
24	Program Tuisyen Rakyat Selangor	
25	Program Bantuan Sekolah Negeri Selangor	
26	Tuisyen Online	
27	Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS)	
28	Skim Bantuan Asuhan Rakyat (SiKEMBAR)	
29	Skim Mesra Usia Emas (SMUE)	
30	Skim Kesihatan Wanita (MammoSEL)	
31	Skim Bantuan Tadika Selangor (TUNAS)	
32	Insentif Perkahwinan Belia	
33	Skim Hijrah Selangor	HIJRAH Selangor
34	Wifi Smart Selangor	Menteri Besar Incorporated (MBI)
35	Bantuan Kebajikan Masyarakat (Bantuan Am)	JKMNS
36	Skim Smart Sewa	
37	Skim DanaSel	
38	Skim Rumah Selangorku	Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS)
39	Skim Ceria (Mengecat Rumah, baiki lif)	
40	PROGRESS	Seksyen Agihan dan Pembangunan, UPEN
41	Nusantara Audiobook	Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS)
42	Perpustakaan Bergerak Smart Selangor	

Memandangkan skim ini melibatkan pelaksanaan dari pelbagai agensi dan seksyen/bahagian di bawah Kerajaan Negeri, maka semua syarat permohonan beserta senarai penerima/peserta lengkap boleh diperolehi dari agensi-agensi berkenaan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : MASALAH PUSAT JUDI SECARA TERBUKA DI SELANGOR**

44. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila kemukakan senarai lengkap operasi bersepadu (PBT, PDRM dan PDT) untuk membanteras pusat judi mengikut DUN antara tempoh 2013 – 2017.
  - b) Sila kemukakan senarai lengkap permohonan pemotongan bekalan elektrik yang dilakukan oleh polis atau agensi lain akibat aktiviti judi antara tempoh 2013-2017.
  - c) Berapakah premis yang telah dipotong bekalan elektrik daripada jawapan (b)?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, PBT tidak melesenkan sebarang pusat perjudian. Lesen Perjudian hanya dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia setelah mendapat ulasan Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1953. PBT hanya mengeluarkan lesen premis perniagaan kepada peremis-premis yang mempunyai lesen perjudian yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Walau bagaimanapun, PBT sentiasa menjalankan pemantauan dan tindakan penguatkuasaan yang berterusan ke atas premis-premis perniagaan di kawasan masing-masing. Sekiranya aktiviti perjudian secara haram dapat dikesan di mana-mana premis perniagaan, PBT akan mengambil tindakan di bawah **Undang-Undang Kecil Tred Dan Perniagaan 2007**. Di samping itu, PBT juga setiasa bekerjasama dengan pihak PDRM atau lain-lain agensi penguatkuasaan yang berkaitan dalam menangani kegiatan tersebut. Bilangan operasi bersepadu pusat judi yang direkodkan oleh PBT masing-masing adalah seperti di **Lampiran 1**.
- b) Tindakan permohonan bagi tindakan pemotongan bekalan elektrik di premis-premis yang terlibat dengan kegiatan judi haram adalah di bawah bidang kuasa Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD). Justeru, PBT tidak mempunyai rekod tindakan tersebut.

**LAMPIRAN 1**

**1. MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)**

SENARAI DUN	BILANGAN OPERASI BERSEPADU DALAM MEMBANTERAS PUSAT JUDI BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA 2017					
	2013	2014	2015	2016	2017	JUMLAH
	Paya Jaras N38	18	86	29	63	59
Sri Muda N49	4	24	5	9	14	56
Kota Anggerik N40	-	5	1	1	4	11

**2. MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)**

SENARAI DUN	BILANGAN OPERASI BERSEPADU DALAM MEMBANTERAS PUSAT SIBER DAN KAFE SIBER TANPA LESEN BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA 2017					
	2013	2014	2015	2016	2017	JUMLAH
Seri Setia	-	-	-	-	-	-
Taman Medan	-	5	-	8	15	28
Bukit Gasing	-	1	-	-	-	1
Kampung Tunku	-	-	-	1	1	2
Damansara Utama	-	-	-	-	-	-
Bukit Lanjan	-	-	-	-	-	-
Kota Damansara	-	4	-	-	2	6

### 3. MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA

SENARAI DUN	BILANGAN OPERASI BERSEPADU DALAM MEMBANTERAS PUSAT JUDI BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA 2017					
	2013	2014	2015	2016	2017	JUMLAH
1.Subang Jaya (YB Puan Hannah Yeoh)	3	-	-	3	1	7
2.Batu 3 Shah Alam (YB Puan Rodziah bt Ismail)	-	-	-	-	-	-
3.Kinrara / Puchong (YB Tuan Ng Sze Han)	-	2	-	-	2	4
4.Seri Serdang (YB Puan Noor Hanim bt Ismail)	-	-	1	-	1	2
5.Seri Kembangan (YB Tuan Ean Yong Hian Wah)	-	-	1	-	-	1

### 4. MAJLIS PERBANDARAN SELANYANG (MPS)

SENARAI DUN	BILANGAN OPERASI BERSEPADU DALAM MEMBANTERAS PUSAT JUDI BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA 2017					
	2013	2014	2015	2016	2017	JUMLAH
Gombak Setia	-	-	4	2	5	11
Batu Caves	-	-	3	-	6	9
Rawang	-	-	-	2	7	9
Taman Templer	-	-	-	3	8	11
Kuang	-	-	-	-	-	-
Paya Jaras	-	-	3	2	5	10
Bukit Lanjan	-	-	-	-	-	-

**5. MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)**

<b>BIL</b>	<b>SENARAI DUN</b>	<b>BILANGAN OPERASI BERSEPADU DALAM MEMBANTERAS PUSAT JUDI BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA 2017</b>					
		<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>JUMLAH</b>
1.	Batu Tiga	-	-	1	-	2	3
2.	Kota Anggerik	-	-	1	1	6	8
3.	Sungai Pinang	1	-	-	-	7	8
4.	Meru	3	1	3	1	21	29
5.	Sementa	1	-	2	-	8	11
6.	Selat Klang	1	1	-	-	-	2
7.	Pandamaran	7	5	1	1	1	15
8.	Pelabuhan Klang	3	-	3	2	3	11
9.	Kota Alam Shah	-	-	-	-	-	-
10.	Sri Andalas	2	-	-	2	1	5
<b>JUMLAH</b>		<b>18</b>	<b>7</b>	<b>11</b>	<b>7</b>	<b>49</b>	<b>92</b>

**6. MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)**

<b>SENARAI DUN</b>	<b>BILANGAN OPERASI BERSEPADU DALAM MEMBANTERAS PUSAT JUDI BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA 2017</b>					
	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>2015</b>	<b>2016</b>	<b>2017</b>	<b>JUMLAH</b>
Cempaka	-	-	5	3	1	8
Lembah Jaya	-	-	-	-	-	0
Teratai	-	-	-	-	1	1
Bukit Antarabangsa	-	-	-	-	-	0
Hulu Kelang	-	-	-	-	-	0

**7. MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSp)**

SENARAI DUN	BILANGAN OPERASI BERSEPADU DALAM MEMBANTERAS PUSAT JUDI BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA 2017					
	2013	2014	2015	2016	2017	JUMLAH
SEPANG	-	-	12	14	14	40

**8. MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)**

SENARAI DUN	BILANGAN OPERASI BERSEPADU DALAM MEMBANTERAS PUSAT JUDI BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA 2017					
	2013	2014	2015	2016	2017	JUMLAH
MDKS	11	-	-	6	7	24

**9. MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (MDKL)**

SENARAI DUN	BILANGAN OPERASI BERSEPADU DALAM MEMBANTERAS PUSAT JUDI BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA 2017					
	2013	2014	2015	2016	2017	JUMLAH
MDKL	-	-	-	-	-	-

\*\*\*Tiada kegiatan perjudian

**10. MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)**

SENARAI DUN	BILANGAN OPERASI BERSEPADU DALAM MEMBANTERAS PUSAT JUDI BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA 2017					
	2013	2014	2015	2016	2017	JUMLAH
Sekinchan	4	4	2	1	1	12
Sungai Panjang	4	4	3	1	-	12
Sabak	2	2	-	-	-	4

SENARAI DUN	BILANGAN OPERASI BERSEPADU DALAM MEMBANTERAS PUSAT JUDI BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA 2017					
	2013	2014	2015	2016	2017	JUMLAH
Sg.Air Tawar	-	-	-	-	-	-
<b>JUMLAH</b>	<b>10</b>	<b>10</b>	<b>5</b>	<b>2</b>	<b>1</b>	<b>28</b>

## 11. MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)

SENARAI DUN	BILANGAN OPERASI BERSEPADU DALAM MEMBANTERAS PUSAT JUDI BAGI TAHUN 2013 SEHINGGA 2017					
	2013	2014	2015	2016	2017	JUMLAH
TIADA	-	-	-	-	-	-

\*\*\*Tiada kegiatan perjudian

\*\*\*Sumber: Semua PBT Negeri Selangor

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : BANTUAN KEPADA RUMAH BERIBADAT**

45. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Sila kemukakan senarai lengkap bantuan yang ditawarkan kepada masjid/surau.
  - Sila kemukakan senarai lengkap bantuan yang ditawarkan kepada rumah beribadat bukan Islam.

**JAWAPAN:**

- a) Bantuan yang ditawarkan kepada masjid/surau adalah seperti berikut:

BIL.	PERKARA/ BANTUAN	JUMLAH	SUMBER
1.	Elaun Bulanan Pegawai Masjid Kariah	RM1380.00 / bulan	Lembaga Zakat Selangor
2.	Sumbangan Moreh Bulan Ramadhan	Masjid : RM1,250.00 Surau Jumaat: RM1,000.00 Surau Biasa: RM900.00	JAIS
3.	Insentif Kepada Nazir Masjid, Pengerusi Surau, Siak Masjid dan Siak Surau	Nazir Masjid: RM500.00 Siak Masjid: RM300.00 Pengerusi Surau: RM300.00 Siak Surau: RM300.00	Kerajaan Negeri
4.	Elaun Bulanan Imam Masjid Kariah	RM450.00	Kerajaan Negeri
		RM850.00	JAKIM
5.	Kos Penyelenggaraan dan kerosakan	Mengikut jenis kerosakan	JAIS

- b) Bantuan yang ditawarkan kepada rumah ibadat bukan Islam adalah seperti berikut:
- i) Bantuan baikpulih rumah ibadat tetapi bukannya bertujuan untuk pembesaran rumah ibadat (selaras dengan garis panduan penggunaan peruntukan);
  - ii) Sumbangan bagi pemindahan bangunan keagamaan yang dipindahkan/dirobohkan;
  - iii) Bantuan kewangan untuk tujuan aktiviti pendidikan keagamaan; dan
  - iv) Pembelian peralatan bagi mengadakan kelas-kelas agama.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : SKIM BANTUAN KESIHATAN KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

46. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila kemukakan senarai lengkap skim-skim bantuan kesihatan yang ditawarkan kepada Rakyat Selangor.
- b) Sila kemukakan program-program berkaitan kesihatan yang telah dijalankan oleh Kerajaan Selangor dalam tempoh 2013-2017.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengambil peduli terhadap penjagaan kesihatan rakyat Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan **Bantuan Rawatan Dialisis** untuk membolehkan rakyat yang kurang berkemampuan mendapatkan rawatan dialisis di Pusat Hemodialisis/hospital kerajaan atau swasta. Program ini telah diperkenalkan sejak tahun 2010 dan terus mendapat permohonan yang semakin meningkat dari tahun ke tahun di kalangan pesakit buah pinggang. Pada tahun 2018, sebanyak RM5 juta telah diperuntukan bagi membantu meringankan beban rawatan dialisis.

Mereka yang berkelayakan akan menerima bantuan sehingga RM5,000.00 setahun. Pembayaran akan dibuat seara "one-off" kepada pihak hospital yang memberi rawatan. Syarat kelayakan bagi program ini adalah Rakyat Negeri Selangor atau telah bermastautin di Negeri Selangor melebihi 10 tahun dengan tahun dengan pengesahan serta pendapatan isi rumah sebanyak RM3,000.00 ke bawah. Bantuan Dialisis ini termasuk di dalam salah satu bantuan di dalam Program Bantuan Sihat Selangor (BSS).

Program **Bantuan Sihat Selangor (BSS)** telah diperkenalkan bertujuan untuk membantu meringankan beban rakyat Negeri Selangor yang kurang berkemampuan dalam menjalani rawatan serta menjalani kehidupan yang lebih sihat. Bantuan kesihatan ini diberikan melalui dana Bantuan Sihat Selangor selaras dengan keprihatinan Kerajaan Negeri Selangor terhadap tahap kesihatan seluruh rakyat Selangor.

Program Bantuan Sihat Selangor telah diperkenalkan sejak tahun 2010 dengan bantuan pembedahan katarak mata, pembedahan kecil dan lain-lain

permohonan seperti pembelian kerusi roda, susu dan lampin pakai buang. Pada tahun 2014, Kerajaan Negeri Selangor telah menambah satu lagi bantuan iaitu pemasangan kaki palsu. Pada tahun 2018, sebanyak RM500,000.00 telah diperuntukkan untuk program BSS ini.

Berikut adalah jumlah peruntukan yang telah diperuntukkan di bawah Program Bantuan Sihat Selangor sejak tahun 2010 – 2018 :

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
2010	211,308.00
2011	392,192.00
2012	576,677.00
2013	572,270.00
2014	440,418.00
2015	1,523,986.90
2016	2,435,300.00
2017	3,621,866.42
2018	5,500,000.00
<b>JUMLAH</b>	<b>15,274,018.32</b>

Bermula 24 Januari 2017, Kerajaan Negeri Selangor telah menyediakan satu skim yang dinamakan sebagai **Skim Peduli Sihat (SPS)** iaitu Skim Perlindungan Perubatan dan Kesihatan asas (*medical and healthcare coverage*) kepada rakyat Kumpulan *Bottom 40%* (B40) sebagai sasaran.

Skim Perlindungan Perubatan dan Kesihatan asas Negeri Selangor atau Skim Peduli Sihat (SPS) membolehkan golongan sasar iaitu Kumpulan B40 menerima rawatan kesihatan dan perubatan asas daripada klinik panel, yang terdiri dari klinik atau hospital swasta dengan kos tertentu yang dibiayai oleh Kerajaan Negeri.

Skim ini dilaksanakan dengan peruntukan sebanyak RM125 juta pada tahun 2017. Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri Selangor telah memperuntukkan sebanyak RM20 juta bagi pelaksanaan program SPS. Sehingga 18 Mac 2018, sebanyak 320,647 Kad Peduli Sihat telah berdaftar dengan anggaran seramai 1,282,588 orang penerima manfaat. Terdapat 983 buah klinik panel yang telah berdaftar di seluruh negeri Selangor serta kawasan bersempalan dalam menjayakan pelaksanaan program ini.

Pada tahun 2018, Kerajaan Negeri Selangor menambahbaik pelaksanaan SPS dengan meluluskan peruntukan *one-off* sebanyak RM180.00 kepada semua pemegang Kad Peduli Sihat untuk mendapatkan suntikan vaksin *pneumokokal, meningococcal, hepatitis B, influenza* dan *typhoid*. Ini bermakna kelayakan bagi pemegang Kad Peduli Sihat telah dinaikkan daripada RM500.00 kepada RM700.00 bagi tahun 2018 bagi kategori keluarga dan dari RM200.00 kepada RM380.00 bagi kategori individu.

Menyedari hakikat penyakit jantung merupakan pembunuhan nombor satu negara, Kerajaan Negeri Selangor telah bekerjasama dengan Institut Jantung Negara (IJN) bagi memberikan khidmat rawatan jantung secara percuma kepada golongan berpendapatan rendah mulai tahun 2018. Untuk maksud ini, Kerajaan Negeri Negeri dan PKNS telah menyediakan peruntukan RM10 juta untuk membiayai 500 pesakit jantung di kalangan rakyat Selangor.

Program **Skim Rawatan Jantung Negeri Selangor** ini telah dilancarkan pada 26 Februari 2018 dan Kerajaan Negeri akan membiayai pesakit jantung yang layak untuk menjalani rawatan di IJN.

Belanjawan Negeri Selangor tahun 2018 juga telah memperuntukan sebanyak RM3 juta bagi **Program Rawatan Kanser**. Program ini akan membantu pesakit kanser dalam menanggung kos sara hidup sebagai pesakit kanser. Kerajaan Negeri mensasarkan lebih 600 orang pesakit kanser akan mendapat manfaat di dalam program ini.

Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sejumlah RM1 juta bagi pelaksanaan **Program Kesihatan Mental** di mana beberapa program khusus berkaitan kesihatan mental akan dilaksanakan di kawasan-kawasan yang terpilih. Kesedaran awal seperti cara menghadapi tekanan perlulah diterapkan kepada masyarakat sebelum ianya berlarutan menjadi lebih parah. Program-program yang dilaksanakan ini dapat mengurangkan kadar penyakit mental di Negeri Selangor.

Sebagai menghargai usaha penjawat awam negeri Selangor, Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan **Program Peduli Sihat Penjawat Awam (PSPA)**. Program ini merupakan satu program perlindungan skim insuran/takaful berkelompok untuk penjawat awam sehingga Gred 44 di bawah pentadbiran SUK Selangor yang memberi manfaat kepada lebih 10,000 Pembantu Tadbir, Pekerja Rendah Awam, Anggota Penguatkuasa, Pengawal Keselamatan dan Pemandu.

Skim ini akan dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri dengan peruntukan sebanyak RM3 juta bagi tahun 2018. Skop perlindungan yang komprehensif terdiri daripada sumbangan khairat kematian, sumbangan hilang upaya kekal

serta rawatan hospitaliti di hospital swasta berjumlah sehingga RM10,000.00 seorang setahun.

Kerajaan Negeri turut mengambil peduli terhadap peningkatan kes demam denggi di Negeri Selangor. Atas dasar itu, sebanyak RM5 juta telah diperuntukkan bagi membuat aktiviti pencegahan dan kawalan di peringkat negeri. Pecahan utama peruntukan tersebut adalah bagi melantik *Pest Controller Operator* (PCO) di peringkat PBT bagi membantu usaha kawalan perebakan virus denggi terutama di kawasan hotspot.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN TIEW WAY KENG  
(N22 TERATAI)**

**TAJUK : PROGRAM ATAU SKIM PEMBANGUNAN MODAL INSAN**

47. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- a) Sila kemukakan senarai lengkap program-program pembangunan modal insan yang telah dijalankan dalam tempoh 2013-2017.
  - b) Sila kemukakan senarai lengkap skim Pembangunan Modal Insan yang ditawarkan kepada Rakyat Selangor.

**JAWAPAN:**

- a) Program-program pembangunan modal insan yang telah dijalankan dalam tempoh 2013-2017:-
  - i. **Program SPIES (Tahun 2008 – 2014)**  
Program SPIES telah dilaksanakan pada tahun 2008 sehingga tahun 2014. Program ini adalah program pengupayaan atau membudayakan insan (*empowering*) tidak bertujuan untuk melahirkan seorang tokoh tetapi menekankan kepada pembentukan masyarakat madaniah yang bersivil dan beradab melalui proses pembentukan karakter dan potensi melalui elemen Spiritual, *Physical*, Intelek, Emosi dan Sosial.
  - ii. **Program INSAN (Tahun 2015 – Kini)**  
Pada tahun 2015, program SPIES telah diberi penjenamaan semula kepada Program INSAN. Susulan daripada eleman yang diterapkan dalam program SPIES, konsep dan kandungan Program INSAN telah dibuat penambahbaikan dari segi struktur modul yang lebih fokus dan kontemporari dengan menekankan model Integrated Holistik Education System (IHES) merangkumi modul untuk semua Generasi termasuk Gen Z bertujuan untuk melahirkan Rakyat Selangor dengan karakter Idaman menggunakan 23 potensi INSAN. 9 kluster sasaran termasuk Gen Z bermula Pelajar Sekolah Rendah, Menengah, Pelajar IPT serta golongan Belia telah terlibat dalam program INSAN ini.
  - iii. **Program Jom Kerja (Tahun 2009 – 2015)**  
Program Jom Kerja telah diperkenalkan pada tahun 2009 merupakan sebuah program karnival kerjaya yang memberi peluang kepada rakyat Selangor bagi mendapatkan pekerjaan sekaligus mengurangkan kadar pengangguran di Negeri Selangor.

**iv. Program Selangor Job Fair (Tahun 2016 – Kini)**

Pada mulanya, program ini diberi nama Program Jom Kerja, tetapi telah diberi penjenamaan semula kepada Program *Selangor Job Fair* pada tahun 2016. Program karnival kerjaya ini telah melibatkan semua daerah-daerah di Negeri Selangor.

**v. Program Latihan Kemahiran Pesara Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Negeri Selangor (Tahun 2016 – Kini)**

Kerajaan Negeri Selangor telah memperkenalkan Program Latihan Kemahiran Pesara Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) Negeri Selangor pada tahun 2016. Program latihan ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan bimbingan kepada para pesara ATM berkenaan pengurusan kewangan, kemahiran insaniah dan keusahawanan. Dengan pendedahan dan bimbingan tersebut, ia dapat memberi laluan pekerjaan atau keusahawanan kepada pesara bagi menjamin pendapatan selepas persaraan.

- b) Kerajaan Negeri Selangor amat menitikberatkan kebajikan rakyat serta komited terhadap pembangunan modal insan di Negeri Selangor. Di bawah Skim Pembangunan Modal Insan, Kerajaan Negeri Selangor telah melaksanakan pelan tindakan dengan membawa inisiatif-inisiatif pembangunan modal insan secara holistik dan menyeluruh bagi memastikan rakyat Selangor menjadi salah satu aset yang menyumbang kepada pembangunan *Smart Selangor*.

Skim Pembangunan Modal Insan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor merangkumi inisiatif-inisiatif seperti memperkasakan kemahiran teknikal bagi belia melalui Program Kemahiran Teknikal dan Iktisas Smart Selangor (IKTISASS). Program hasil kerjasama dengan Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC) berupaya melatih belia dalam kemahiran teknikal bertujuan untuk menyediakan tenaga kerja tempatan yang mahir sesuai dengan kehendak pasaran industri.

Bagi melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi, pembangunan sahsiah dan jati diri khususnya dalam pembentukan akhlak dan moral individual itu amat penting bagi mencorakkan rakyat dengan minda kelas pertama. Bagi menyahut seruan Kerajaan Negeri Selangor, Program INSAN telah diperkenalkan bagi memastikan setiap lapisan masyarakat mendapat manfaat dari penerapan model *Integrated Holistic Education System (IHES)* yang memberi pendedahan kepada dua puluh tiga (23) potensi diri.

Selain itu, Kerajaan Negeri Selangor giat menjalankan program-program pencegahan dan kesedaran bagi gejala sosial dengan hasil kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan lain-lain agensi berkaitan. Salah satu acara

program tahunan bagi pencegahan gejala sosial adalah Program Generasi Berimpak Selangor (Gempak Selangor). Program ini menghimpunkan masyarakat dari segenap lapisan umur dengan pendedahan dan informasi berkenaan gejala sosial di kalangan masyarakat. Antara slot di dalam Program Gempak adalah ‘Perenting Talk’, ceramah dari PDRM dan AADK, Program Pengurusan Kewangan, forum dan sembang santai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : KOLAM RENANG DI KOMPLEKS SUKAN PANDARAMAN**

48. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Majlis Perbandaran Klang telah menyerahkan kunci kolam renang di Kompleks Sukan Pandamaran kepada Majlis Sukan Negeri Selangor pada 19 Januari 2018 tetapi sehingga kini kolam renang tersebut masih belum dibuka semula kepada orang awam. Bila ianya akan dibuka semula?

**JAWAPAN:**

- a) Pemeriksaan bersama MSN Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta, Jabatan Kewangan dan Jabatan Kejuruteraan telah dibuat pada 22/2/2018 dan 9/3/2018 bagi pengesahan aset-aset di kawasan kolam tersebut. Pada masa ini juga, pihak Jabatan Undang-undang juga dalam perlaksanaan akhir penyediaan perjanjian di antara MPK dan MSN.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : MARRIS UNTUK KAWASAN DUN PANDAMARAN DARI JULAI 2013  
HINGGA 2018**

49. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila bekalkan senarai projek-projek MARRIS yang telah dilakukan di kawasan Pandamaran dari Julai 2013 hingga 2018.

**JAWAPAN:**

- a) Pejabat Daerah/ Tanah Klang tiada melaksanakan Projek MARRIS di kawasan Pandamaran dari Julai 2013 hingga 2018 kerana tiada rizab jalan luar bandar di kawasan tersebut.

Manakala senarai Projek-projek MARRIS yang telah dilakukan oleh Majlis Daerah Klang di kawasan Pandamaran dari Julai 2013 hingga 2018 adalah seperti di Lampiran A.

## SENARAI PROJEK-PROJEK MARRIS DI KAWASAN PANDAMARAN (N47) DARI JULAI 2013 SEHINGGA 2018

BIL	SENARAI PROJEK	TAHUN
1	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG MELIKAI 1,3,5,7, LENKUNGAN MELIKAI, SOLOK BUNGA RAYA, LINTANG PETOLA DAN SEKITARNYA.	2013
2	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN MELIKAI 43, 45, 47, 49, 51, 53, JALAN PUSPA 34, JALAN TENGAH, LORONG HORT DAN SEKITARNYA.	2013
3	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN PAPAN, JALAN RAJA LUMU, LORONG CHINNAH, LEBUH PENDAMAR DAN SEKITARNYA, KLANG SELATAN	2014
4	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN TENGU BADAR, LORONG BERANGAN, LORONG NAU, JALAN AUR, LINTANG AUR 1 DAN SEKITARNYA, KLANG SELATAN	2014
5	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN MESRA 1, 2, 3, 8, LORONG DIANTARA JALAN MESRA 1 DAN 3 DAN JALAN SENTOSA, TAMAN CHI LIUNG, KLANG SELATAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA	2014
6	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN TENGU BADAR, PELABUHAN KLANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA	2014
7	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN MAWAR, JALAN MAWAR 1, 2, 3, 4, LORONG MAWAR, LORONG ORKID, LORONG ORKID 1B, 1C, 2A, 2B, SEBAHAGIAN JALAN PETOLA DAN SOLOK BUNGA RAYA, KG RAJA UDA, PELABUHAN KLANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA	2014
8	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN KASTAM, LORONG KULUR, LORONG RASAU, JALAN KULUR, LORONG PASAR, LEBUH BERANGAN, LINTANG BERANGAN, LINTANG CEMPENING, PELABUHAN KLANG DAN JALAN 10, KG RAJA UDA, PELABUHAN KLANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA	2014
9	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN GELAM, LORONG GELAM, SOLOK GELAM, JALAN DAMAR MINYAK, LINTANG DAMAR MINYAK, JALAN DERUN, LINTANG DERUN, LORONG BUNGOR, JALAN ARA DAN LORONG SEROJA, PELABUHAN KLANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA	2014
10	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN FLAT BUNGA RAYA, LORONG SENTUL, LENGKUNGAN MELIKAI DAN LORONG MELIKAI 4,6, KG RAJA UDA, PELABUHAN KLANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA	2014
11	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN SENTOSA, JALAN SENTOSA 3, 5, LORONG SENTOSA 1, 2, 4, 5, 6, 7, 8, JALAN BAHAGIA 1, 2 DAN LORONG BAHAGIA 3, 4, TAMAN CHI LIUNG, KLANG SELATAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA	2014
12	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN CEMPENING, JALAN BERANGAN, LEBUH BERINGIN, LEBUH BERANGAN, LORONG CEMPENING, SEBAHAGIAN JALAN KASTAM PELABUHAN KLANG, SOLOK MESRA 5, 6, SEBAHAGIAN SUSUR JALAN KIM CHUAN DAN SEBAHAGIAN JALAN BAHAGIA, TAMAN CHI LIUNG, KLANG SELATAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA	2014
13	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN MELIKAI, SEBAHAGIAN JALAN PETOLA, LORONG BELAKANG RUMAH KEDAI JALAN MELIKAI 45 KAMPUNG RAJA UDA SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA	2014
14	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN BAHAGIA, JALAN BAYU TINGGI 5, JALAN BAYU TINGGI 7, JALAN BAYU TINGGI 8, DAN SEBAHAGIAN JALAN SUSUR OFF JALAN KIM CHUAN (PERSIMPANGAN JALAN MESRA KE JALAN SENTOSA), PENDAMARAN, KLANG SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA.	2014
15	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN TENGAH, JALAN HORT, JALAN LENGKUNGAN, LORONG BELAKANG KAMPUNG RAJA UDA, SEBAHAGIAN JALAN RAJA LUMU, JALAN 4, TAMAN BENDAHARA AZMAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA	2015
16	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN TENGU BADAR, SEBAHAGIAN JALAN KASTAM, SEBAHAGIAN JALAN LENGKUNGAN, SEBAHAGIAN JALAN PETOLA, SEBAHAGIAN JALAN RAJA LUMU, SEBAHAGIAN JALAN YOUNG PANDAMARAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITANNYA.	2015
17	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN TENGU BADAR, SEBAHAGIAN JALAN KASTAM, SEBAHAGIAN JALAN LENGKUNGAN, SEBAHAGIAN JALAN PETOLA, SEBAHAGIAN JALAN RAJA LUMU, SEBAHAGIAN JALAN YOUNG PANDAMARAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITANNYA.	2015
18	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN KUNDOR, JALAN NIBONG, JALAN IPOH, JALAN WOOTEN, JALAN KEMAS, JALAN JAGUNG, JALAN RASAH, JALAN PENDAMAR, JALAN SUSUR OFF JALAN SENTUL TAMAN PENDAMAR INDAH 1, JALAN SELAT SELATAN 11, LORONG SELAT SELATAN 2, JALAN MAWAR PANDAMARAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA.	2015
19	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI LEBUH BERANGAN, JALAN WATSON, JALAN PUSPA 33, 34, 35, JALAN DENGKIL, 2, 3, DAN SEBAHAGIAN JALAN PENDAMAR, JALAN SENTOSA, JALAN BAYU TINGGI 4A, 4B, 4C TAMAN CHI LIUNG, SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA.	2015
20	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN RASAU, JALAN KULUR, LORONG BELAKANG DAN JALAN TEPI DI LORONG AUR, JALAN BUNGA RAYA, LORONG BELAKANG DAN LORONG TEPI JALAN MELIKAI 45, LORONG BELAKANG DAN LORONG TEPI LORONG PANDANGAN, LORONG PANDANGAN 5, KAMPUNG RAJA UDA SERTA KERJA KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA.	2015
21	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN LABU, LORONG BINJAI, JALAN AMARASEGARA, JALAN JERING, JALAN PENDEK, JALAN CENGAL, JALAN KERUING, JALAN LETCHUMANAN, LORONG TEPI DAN LORONG BELAKANG JALAN DENGKIL 1, 2, 3, 4 TAMAN BENDAHARA AZMAN SERTA KERJA KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA.	2015
22	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI JALAN MESRA, JALAN SIJANGKANG, LORONG BAHAGIA, LORONG BELAKANG DAN JALAN TEPI SOLOK MESRA 3, 4, 5, LORONG SENTOSA 1, 2, 3, LORONG BAHAGIA 2, 3 TAMAN CHI LIUNG, LORONG BELAKANG DAN JALAN TEPI JALAN BAYU TINGGI 5, 6, 7, LORONG BAYU TINGGI 4, 4A, 4B, 4C TAMAN BAYU TINGGI SERTA KERJA KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA.	2015
23	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI SEBAHAGIAN JALAN LENGKUNGAN, SEBAHAGIAN JALAN SUSUR PERSIARAN RAJA MUDA MUSA, SEBAHAGIAN JALAN SUSUR JALAN ORKID DAN LORONG BELAKANG JALAN MELIKAI 46, KAMPUNG RAJA UDA, KLANG SELATAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA.	2015
24	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DI LORONG GELAM, JALAN DERUN, JALAN SEROJA, LORONG BELAKANG JALAN GELAM, LORONG BELAKANG JALAN SEROJA, PANDAMARAN SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA.	2016
25	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SIARKAKI, SCUPPER DRAIN DAN BATU BEBENDUL DI JALAN RAJA LUMU, PANDAMARAN, KLANG SELATAN.	2016
26	KERJA-KERJA MEMANGKAS DAN MENEANG POKOK AMENITI DI JLN BANTING PANDAMARAN, JALAN PANDAMARAN JAYA, JALAN YOUNG (DUN PANDAMARAN) KLANG -ZON 1	2016

BIL	SENARAI PROJEK	TAHUN
27	KERJA-KERJA MEMANGKAS DAN MENEbang POKOK AMENITI DI PERSIARAN BATU NILAM,PERSIARAN MAHOGANI DAN JALAN SALAM (DUN PANDAMARAN) KLANG - ZON 2	2016
28	KERJA-KERJA MEMANGKAS DAN MENEbang POKOK AMENITI DI SEPANJANG JALAN RAJA LUMU,JALAN PANDAMARAN 18 A DAN JALAN PANDAMARAN 74 DAN 97 (DUN PANDAMARAN) KLANG - ZON 3	2016
29	KERJA-KERJA MEMANGKAS DAN MENEbang POKOK AMENITI DI JALAN SUKMA PANDAMARAN DAN LORONG SUKMA. (DUN PANDAMARAN) KLANG - ZON 4	2016
30	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SIAR KAKI, BATU BEBENDUL DAN 'SCUPPER DRAIN' DI JALAN SENTUL, JALAN JAMBU LAUT, JALAN RAJA LUMU, JALAN SUKMA, LORONG TEPI, PANDAMARAN, KLANG UTARA.	2016
31	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DAN PEMBAIKAN LONGKANG DI LORONG BELAKANG JALAN CUCUR ATAP, LORONG BELAKANG JALAN BUNGOR, JALAN BUNGOR, LORONG BELAKANG JALAN DERUN, LORONG BELAKANG JALAN GELAM, LORONG BELAKANG KEDAI JALAN KASTAM, SERTA KERJA PEMBAIKAN LONGKANG DI JALAN TENGKU BADAR, JALAN CUCUR ATAP DAN LORONG TEPI JALAN DERUN, PELABUHAN KLANG, KLANG SELATAN	2017
32	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SIARKAKI, 'SCUPPER DRAIN' DAN BATU BEBENDUL DI JALAN BAHAGIA, TAMAN CHI LIUNG, PANDAMARAN, KLANG SELATAN.	2017
33	KERJA-KERJA MEMANGKAS DAN MENEbang POKOK AMENITI DI JALAN SENTUL ,JALAN SABAH, JALAN PANDAMARAN JAYA 18 .63,JALAN PERMAI 3, JALAN PERMAI 4,JALAN PANDAMARAN INDAH,PERSIARAN SELAT SELATAN,JALAN PERUSAHAAN 1, LORONG KEMPAS, JALAN SEKINCHAN ,JALAN SENTOSA 6, 7 ,JALAN MESRA ,JALAN BAHAGIA,JALAN BATU UNJUR ,KAMPUNG BARU PANDAMRAN, JALAN BATU UNJUR 3, 5, JALAN KG. PENDAMAR , JALAN DAMAR MERAH, KOMPLEKS SUKAN (PADANG),JALAN PETOLA, JALAN MELIKAI, JALAN ORKID, JALAN BUNGA RAYA.	2017
34	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN MESRA, LORONG SENTOSA 4, 4A, DAN PEMBAIKAN LONGKANG DI JALAN PISANG LORONG CHINNIAH, JALAN SEKINCHAN, JALAN BINJAI LORONG POLIS, PANDAMARAN , KLANG SELATAN	2017
35	KERJA-KERJA MENURAP SEMULA JALAN DAN PEMBAIKAN DINDING LONGKANG DI JALAN KAPOR, LORONG KAPOR 1,2,3,4,5, LORONG KOPI, LORONG KOPI 1,2,3,4,5, JALAN NIPAH, JALAN NIPAH 1,2,3,4,5 DAN JALAN WOOTEN, PANDAMARAN, KLANG SELATAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA.	2017
36	KERJA-KERJA MENGGANTI SEMULA PAPANTANDA NAMA JALAN DI KAWASAN DUN PANDAMARAN, KLANG SELATAN.	2017
37	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG DI SEBAHAGIAN , JALAN PAPAN, LORONG BALI, JALAN CHINNIAH, JALAN YOUNG, JALAN PETAI, LEBUH RAYA PETAI, LORONG SENTUL, PANDAMARAN, KLANG SELATAN.	2018
38	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH LONGKANG DI SEBAHAGIAN JALAN MELIKAI 43, 48, 49, DAN 50 ,TAMAN PELABUHAN, KLANG SELATAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA.	2018
39	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SIARKAKI, 'SCUPPER DRAIN' DAN PERABOT JALAN DI LORONG SABAH, JALAN PANDAMARAN, PANDAMARAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA.	2018
40	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SIARKAKI, PERABOT JALAN, BATU BEBENDUL DAN MENGECHAT SEMULA GARISAN JALAN DI JALAN PETOLA, JALAN LENGKUNGAN, KG RAJA UDA, KLANG SELATAN DAN KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA	2018
41	KERJA-KERJA MEMBAIKPULIH SIARKAKI, " SCUPPER DRAIN " DAN BATU BEBENDUL DI LORONG SENTOSA 6, 7, LORONG MESRA 1, 3, TAMAN CHI LIUNG, PANDAMARAN SERTA KERJA-KERJA BERKAITAN DENGANNYA.	2018
42	KERJA-KERJA MEMANGKAS DAN MENEbang POKOK AMENITI DI JALAN BANTING, JALAN YOUNG, JALAN PENDAMAR, JALAN CHAN AH CHOO, JALAN PISANG, JALAN KAPOR, JALAN NIPAH, JALAN BESAR, JALAN POLIS, JALAN YEO KOH KIAT DAN JALAN RAJA LUMU, JALAN SELAT SELATAN 26B DAN JALAN WOOTEN (DUN PANDAMARAN) KLANG SELATAN.	2018
43	KERJA-KERJA MEMANGKAS DAN MENEbang POKOK AMENITI DI PERSIARAN BATU NILAM, PERSIARAN MAHOGANI, JALAN SALAM JALAN SUKMA, LORONG SUKMA, JALAN BANTING PANDAMARAN, LORONG BAHAGIA 3 (DUN PANDAMARAN) KLANG SELATAN.	2018

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PARIT BESAR DI BELAKANG PANTAI HOSPITAL KLANG**

50. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Kerja penstabilan tanah di belakang 263, Persiaran Raja Muda Musa yang hakis masih belum dimulakan sehingga kini. Bila kerja akan dimulakan?

**JAWAPAN:**

- a) Majlis bersetuju untuk membina tembok penahan bagi menghalang hakisan dan menstabilkan tebing daripada runtuh. Kerja dijangka akan dilaksanakan pada bulan Mei 2018.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : PROJEK PEMBINAAN SELAYANG STARCITY MALL**

51. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Projek Selayang StarCity Mall telah berhenti hampir 2 tahun. Apa yang telah berlaku yang menyebabkan pemberhentian kerja tersebut?
  - Apakah rancangan Kerajaan Negeri Selangor dan/ atau Majlis Perbandaran Selayang terhadap pemberhentian projek tersebut?
  - Adakah projek tersebut kini telah terbengkalai?

**JAWAPAN:**

- Pihak pemaju memaklumkan bahawa mereka kin sedang berhadapan dengan sedikit kesukaran berkaitan dengan pembiayaan kewangan. Pembiayaan drpd luar negara dijangka akan masuk pada pertengahan bulan Mac, bergantung kepada kelulusan drpd pihak Bank Negara . Oleh sebab kelewatan pembiayaan ini juga, pihak kontraktor telah menarik diri dan pihak pemaju dlm proses penilaian semula untuk perlantikan kontraktor yang baru bagi menyiapkan keseluruhan projek ini mengikut fasa yang dicadangkan.
- Penyambungan semula kerja-kerja pembinaan yang terbengkalai dijangka akan mula pada bulan Jun 2018 dan penyiapan fasa 1 iaitu Podium (ruang perniagaan) dijangkakan dalam tempoh satu setengah tahun kemudian.
- Majlis dimaklumkan bahawa projek tersebut tidak terbengkalai.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : KERJA PEMBINAAN 8 UNIT TOKONG DI JALAN BUKIT KERAYONG,  
PELABUHAN KLANG**

52. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Melati Ehsan Consolidated Sdn Bhd masih tidak dapat memulakan kerja untuk membina 8 unit tokong di Jalan Bukit Kerayong, Pelabuhan Klang sehingga kini disebabkan tanah yang berkenaan masih belum digazetkan sebagai tanah rumah ibadat. Bila ianya akan dapat digazetkan untuk membolehkan kerja pembinaan dimulakan?

**JAWAPAN:**

- a) Mesyuarat Jawatankuasa Hal Ehwal Selain Islam Negeri Selangor (HESI) Bil. 5/2017 bertarikh 4.7.2017 telah memutuskan penetapan tokong di atas 8 tapak tersebut. Namun begitu, terdapat isu di antara Melati Ehsan Consolidated Sdn. Bhd. dengan persatuan-persatuan yang perlu diselesaikan terlebih dahulu sehingga menyebabkan pewartaan di atas tapak tokong tersebut masih belum dapat dilaksanakan. PTD Klang akan melaksanakan pewartaan di atas tapak tokong tersebut setelah isu di antara Melati Ehsan Consolidated Sdn. Bhd. dengan persatuan-persatuan dapat diselesaikan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. TUAN TAN POK SHYONG  
(N47 PANDAMARAN)**

**TAJUK : STATUS PROJEK PENAIKTARAFAN KUNCI AIR NO. 51 KE PINTU AIR  
AUTOMATIK DI JALAN PAPAN PANDAMARAN**

53. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bilakah projek penaiktarafan kunci air No. 51 di Jalan Papan Pandamaran ke pintu air automatik akan dimulakan dan dijangka siap?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, projek penaiktarafan Kunci Air No.5 di Jalan Papan Pandamaran ke pintu air automatik telah di iklan pada 15 Februari 2018 dan tutup pada 15 Mac 2018. Pada masa ini, projek masih di bawah proses penilaian dan seterusnya akan dibentang kepada lembaga perolehan. Projek dijangka akan ditawarkan kepada pentender pada bulan Mei 2018. Tempoh projek adalah selama 12 bulan.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

Skop kerja yang akan dilaksanakan adalah menaiktaraf *screwdowm gate* (saiz 6' x 6') kepada *roller gate* (saiz 12' x 14') dan kerja-kerja berkaitan dengan anggaran kos RM3 juta dan beroperasi secara automatik berdasarkan paras air.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : SILA MENYATAKAN LOT TAPAK RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM  
(RIBI) DI DAERAH SEPANG SELANGOR YANG DILULUSKAN OLEH  
MMKN DAN BAKAL DIBANGUNKAN MENJADI RIBI.**

54. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila menyatakan maklumat terperinci pertubuhan yang berjaya memohon tapak-tapak tersebut.

**JAWAPAN:**

- a) Permohonan pewartaan tapak RIBI oleh mana-mana pertubuhan adalah melalui PTD Sepang sebelum boleh dikemukakan kepada PBT untuk pembangunan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : SILA MENYATAKAN JUMLAH PELABURAN DI DAERAH SEPANG  
PADA TAHUN 2017**

55. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- Apakah bantuan yang diberikan kepada pelabur tempatan dan asing?
- Nyatakan nama-nama syarikat pelabur yang melabur di Daerah Sepang pada tahun 2017.

**JAWAPAN:**

- Secara dasarnya Kerajaan Negeri tiada menyediakan bantuan berbentuk kewangan kepada para pelabur yang melabur di Negeri Selangor.

Namun begitu bagi menyantuni para pelabur, pihak Kerajaan Negeri Selangor melalui agensi penggalakkan pelaburan Negeri menyediakan perkhidmatan khidmat nasihat dan juga membantu menyelesaikan isu-isu yang dihadapi oleh pihak pelabur.

Selain itu, Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan dan Industri Kecil dan Sederhana Negeri Selangor telah mengadakan mesyuarat khusus bagi membantu para pelabur menyelaras permohonan kelulusan-kelulusan pembangunan yang diperlukan selain membantu menyelesaikan isu berbangkit. Melalui mesyuarat ini, proses permohonan dapat diselaraskan dan kelulusan pembangunan dapat diberikan dalam tempoh yang ditetapkan. Mesyuarat yang dipengerusikan oleh YB EXCO ini diadakan setiap bulan.

- Projek-projek perkilangan yang diluluskan dalam Daerah Sepang bagi tahun 2017 mengikut pecahan kawasan adalah seperti berikut;-

Lokasi	Projek	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Tempatan (RM)	Pelaburan Asing (RM)	Jumlah Modal Pelaburan (RM)
Sepang	1	9	6,050,000	0	6,050,000
Dengkil	1	58	17,685,630	0	17,685,630
Salak Tinggi IE					0
Selangor Science					0

<b>Lokasi</b>	<b>Projek</b>	<b>Peluang Pekerjaan</b>	<b>Pelaburan Tempatan (RM)</b>	<b>Pelaburan Asing (RM)</b>	<b>Jumlah Modal Pelaburan (RM)</b>
Park II					
Cyberjaya	2	139	0	28,692,939	28,692,939
Pulau Merantai					0
Sungai Pelek					0
<b>Jumlah</b>	<b>4</b>	<b>206</b>	<b>23,735,630</b>	<b>28,692,939</b>	<b>52,428,569</b>

Sumber : MIDA

- Nota : Senarai nama syarikat pelabur tidak dapat dinyatakan tanpa persetujuan dan kebenaran pihak syarikat.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : APAKAH PENCAPAIAN YANG BOLEH DISIMPULKAN OLEH KN  
UNTUK MENYELESAIKAN ADUAN POT HOLE DI SELANGOR  
SELEPAS PENGGUNAAN (IRS)?**

56. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan jumlah aduan dan status pada tahun 2017 mengikut susunan setiap kes yang disalurkan ke PBT, JKR, Syarikat Utiliti dan Pejabat Daerah dan Tanah?

**JAWAPAN:**

- a) Selepas penggunaan Sistem ‘Intelligent Response Selangor’ (i-RS) pada 01 Ogos 2017, secara puratanya Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat menyelesaikan lebih daripada 75% pelaporan di dalam bulan yang diterima. Ini kerana terdapatnya beberapa situasi yang memerlukan penyelesaian jangka panjang. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa Pihak Berkuasa Tempatan yang berjaya menyelesaikan lebih daripada 85% pelaporan di dalam bulan yang diterima. Analisa menunjukkan bahawa terdapat ‘trend’ peningkatan prestasi di kalangan Pihak Berkuasa Tempatan.

Untuk makluman, Pihak JKR Negeri dan Pejabat Daerah/ Tanah menyertai inisiatif ini bermula Januari 2018. Walau bagaimanapun, pihak Syarikat Utiliti adalah tidak disenaraikan.

Bermula 01 Ogos 2017 sehingga 31 Disember 2017 sebanyak 14,732 pelaporan berkaitan keadaan jalan belubang di negeri Selangor telah diproses menerusi Sistem i-RS. Walau bagaimanapun, sebanyak 3953 laporan telah disahkan di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang diperincikan seperti berikut:

Bil.	PBT	Jumlah Laporan Sah	Jumlah Laporan Sah yang telah Diselesaikan
1	Majlis Bandaraya Shah Alam	325	284
2	Majlis Bandaraya Petaling Jaya	969	711
3	Majlis Perbandaran Subang Jaya	771	710
4	Majlis Perbandaran Ampang Jaya	388	374

<b>Bil.</b>	<b>PBT</b>	<b>Jumlah Laporan Sah</b>	<b>Jumlah Laporan Sah yang telah Diselesaikan</b>
5	Majlis Perbandaran Selayang	345	273
6	Majlis Perbandaran Sepang	39	35
7	Majlis Perbandaran Klang	184	156
8	Majlis Perbandaran Kajang	875	401
9	Majlis Daerah Kuala Selangor	17	17
10	Majlis Daerah Hulu Selangor	34	24
11	Majlis Daerah Kuala Langat	7	6
12	Majlis Daerah Sabak Bernam	0	0
	<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>3953</b>	<b>2991</b>

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : ISU FAS**

57. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah sebab utama Kerajaan Negeri tidak menjawab permohonan pasukan bola sepak Selangor unutk meminjam Stadium Shah Alam bagi tujuan Piala FA Malaysia?

**JAWAPAN:**

a)

JAWAPAN TIDAK DITERIMA DARIPADA DARUL EHSAN FACILITIES MANAGEMENT SDN BHD

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : PENUTUPAN LOJI RAWATAN AIR SSP3**

58. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-
- Apakah sebab dan punca berlakunya penutupan loji yang menyebabkan ratusan ribu pengguna tiada bekalan air ?
  - Apakah langkah-langkah yang sedang dan telah diambil untuk mencegah berlaku semula kejadian ini?

**JAWAPAN:**

- Penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3) pada 6 Mac 2018 dengan kelulusan daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) adalah bertujuan untuk memberi laluan kepada pihak Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH) menjalankan kerja-kerja pembaikan peralatan kritikal iaitu kerja penggantian 'Check Valve' pada pam set no.3 bagi memastikan pihak loji dapat mengeluarkan bekalan air terawat seperti yang dikehendaki secara purata 830 Juta Liter Sehari.

Untuk hentitugas di LRA SSP3 ini, pihak SPAN juga telah meluluskan gangguan bekalan air berjadual yang melibatkan 563,662 akaun pengguna di enam (6) wilayah iaitu Petaling, Kuala Lumpur, Gombak, Klang, Hulu Selangor dan Kuala Langat yang dijadualkan akan pulih sepenuhnya pada 9 Mac 2018.

Walau bagaimanapun, setelah kerja-kerja pembaikan siap dilaksanakan pada jam 5.00 petang 6 Mac 2018 dan semasa persiapan untuk pengoperasian semula loji, satu insiden luar jangka telah berlaku iaitu Sistem Mampatan Udara (Surge Vessel System) melibatkan paip bersaiz 1100mm telah pecah. Dalam insiden ini, lima (5) orang kakitangan telah cedera iaitu seorang kakitangan Air Selangor dan empat (4) orang kakitangan dari LRA SSP3.

Ekoran daripada insiden tidak dijangka ini, telah mengakibatkan tempoh masa pemulihan bekalan air di enam (6) wilayah telah tersasar dari jadual asal sepetimana hebahan media yang telah dibuat awal sebelum itu.

- Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Selangor Fasa 3 (SSP3) adalah milik Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor Sdn Bhd (SPLASH). Untuk itu, langkah-langkah pencegahan atau penambahbaikan yang perlu diambil untuk memastikan insiden yang sama tidak berulang di LRA SP3 adalah di luar bidang kuasa

pihak Air Selangor. Pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) adalah pihak yang berwajib untuk melaksanakan kerja-kerja pengauditan LRA SSP 3 bagi memantau dan memastikan kerja-kerja penyenggaraan dan program penggantian asset dilakukan mengikut jadual dan tempoh yang sepatutnya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : MENAIK TARAF SISTEM PERPARITAN DI KAWASAN KAMPUNG**

59. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah di dalam perancangan Kerajaan untuk menaik taraf sistem perparitan dan saliran terutama di kawasan kampung yang sudah tidak mampu menampung aliran air akibat pembangunan yang melibatkan pembukaan tanah kebun dan ladang?

**JAWAPAN:**

- a) Untuk makluman, sistem perparitan dan saliran terutama di kawasan kampung adalah di bawah tanggungjawab Pejabat Daerah dan Tanah melalui seksyen Pembangunan Luar Bandar (PLB). Kerja-kerja menaiktaraf adalah mengikut keperluan dari masa ke semasa. Namun begitu, Kerajaan Negeri melalui JPS Negeri Selangor akan menaiktaraf parit monsun dan sungai-sungai yang tidak boleh menampung kapasiti air yang banyak terutama di kawasan yang sedang pesat membangun.

**MAKLUMAT TAMBAHAN**

Untuk makluman, selepas kelulusan Kebenaran Merancang dikeluarkan pihak pemaju perlu membuat penyerahan dan pemberimilikan semula tanah kepada Pejabat Daerah dan Tanah untuk serahan rezab parit/ sungai/ jalan. Keluasan serahan rezab bergantung kepada kedudukan geografi kawasan berkenaan. Sekiranya berada di hilir sungai maka, serahan rezab semakin lebar bebranding dengan kawasan hulu sungai. Lebar serahan adalah sekitar 15 kaki sehingga 40 kaki.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : PERUNTUKAN SEKOLAH SEJAK 2008 HINGGA SEKARANG**

60. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Nyatakan peruntukan kerajaan untuk seluruh DUN Selat Klang untuk SAR, SJKT, SJKC.
- b) Perincikan mengikut nama sekolah dan tahun.

**JAWAPAN:**

a) dan b)

Peruntukan Kerajaan untuk seluruh Dun Selat Klang untuk sekolah SAR, SJKC dan SJKT mengikut tahun adalah seperti berikut :

TAHUN 2009		
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
1	Sar Kafa Integrasi Darul Ulum	RM50,000.00
2	Sar (Kafa Integrasi) Al-Hidayah	RM50,000.00
3	SJKC Sin Bin	RM70,000.00
4	SJKC Hwa Lien	RM120,000.00
5	SJKC Kheng Chee	RM20,000.00
6	SJKT Jalan Tepi Sungai	RM5,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM315,000.00</b>

TAHUN 2010		
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
1	Sekolah Rendah Islam Inetgrasi Al Farabi	RM40,000.00
2	Sekolah Menengah Islam Al Farabi	RM100,000.00
3	Sar (Kafa) Integrasi Nurul Ain Telok Gadong	RM15,000.00
4	SJKC Sin Bin	RM30,000.00
5	SJKC Hwa Lien	RM10,000.00
6	SJKC Keng Chee	RM50,000.00
7	SJKT Jalan Tepi Sungai	RM5,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM250,000.00</b>

TAHUN 2011		
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
1	Sekolah Rendah Islam Al-Farabi	RM150,000.00
2	Sekolah Menengah Islam Al-Farabi	RM100,000.00
3	Pusat Tahfiz Al Quran Sofiuddin	RM10,000.00
4	Sar (Kafa) Integrasi Nurul Ain Telok Gadong	RM60,000.00
5	Sar Kafa Integrasi Darul Ulum	RM5,000.00
6	SJKC Sin Bin	RM30,000.00
7	SJKC Hwa Lien	RM50,000.00
8	SJKC Keng Chee	RM60,000.00
9	SJKT Jalan Tepi Sungai	RM10,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM475,000.00</b>

TAHUN 2012		
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
1	Sekolah Menengah Agama Arab	RM90,000.00
2	Sekolah Rendah Islam Al-Farabi	RM100,000.00
3	Pra-Tahfiz Sekolah Islam Al-Farabi	RM50,000.00
4	Pasti Darul Ulum 2	RM30,000.00
5	Sekolah Menengah Islam Al-Farabi	RM80,000.00
6	Kolej Integrasi Tahfiz Tunas Ilmuwan Selangor	RM150,000.00
7	Madrasah Al-Hirah	RM10,000.00
8	SJKC Sin Bin	RM70,000.00
9	SJKC Hwa Lien	RM30,000.00
10	SJKC Keng Chee	RM70,000.00
11	SJKT Jalan Tepi Sungai	RM99,013.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM779,013.00</b>

TAHUN 2013		
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
1	KAFA Integrasi Kampung Pinang Tunggal	RM5,000.00
2	SAR Kafa Integrasi Darul Ulum	RM5,000.00
3	SAR (Kafa Integrasi) Al-Hidayah	RM5,000.00
4	Pusat Tahfiz Al Quran Sofiuddin	RM10,000.00
5	Pusat Tahfiz Al Quran Sofiuddin 3	RM10,000.00
6	KAFA Integrasi Kampung Pinang Tunggal	RM5,000.00
7	SAR KAFA Integrasi Darul Ulum	RM5,000.00
8	Sar (Kafa Integrasi) Al-Hidayah	RM5,000.00

TAHUN 2013		
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
9	Sekolah Menengah Islam Al-Farabi	RM100,000.00
10	Sekolah Rendah Islam Integrasi Al-Farabi	RM100,000.00
11	Pusat Tarbiyah Kampung Delek	RM100,000.00
12	Kelas Agama Menengah Arab	RM150,000.00
13	SJKC Keng Chee	RM80,000.00
14	SJKC Hwa Lien	RM40,000.00
15	SJKC Wu Teck	RM10,000.00
16	SJKC Sin Bin	RM20,000.00
17	SJK(T) Jalan Tepi Sg.	RM121,513.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM771,513.00</b>

TAHUN 2014		
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
1	Sek Ren Islam Integrasi Al-Farabi	RM100,000.00
2	Sek Men Islam Al-Farabi	RM50,000.00
3	Maahad Hafiz Klang	RM2,000.00
4	Madrasah Tahfiz Al-Hirah	RM2,000.00
5	Pusat Tahfiz Al Quran Sofiuddin 3	RM2,000.00
6	SJKC Hwa Lien	RM50,000.00
7	SJKC Keng Chee	RM50,000.00
8	SJKC Chuen Min	RM50,000.00
9	SJKC Sin Bin	RM 15,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM306,000.00</b>

TAHUN 2015		
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
1	Akademi Komtas Tiga	RM 5,000.00
2	Sekolah Rendah Islam Integrasi Al-Farabi	RM 30,000.00
3	Sekolah Menengah Islam Al Farabi	RM50,000.00
4	Sar (Kafa Integrasi) Al-Hidayah	RM5,000.00
5	Sar Kafa Integrasi Darul Ulum	RM5,000.00
6	Pra Tahfiz Sekolah Islam Al Farabi	RM30,000.00
7	Tahfiz An-Nur Bestari	RM15,000.00
8	Pusat Tahfiz Al-Quran Sofiuddin	RM 10,000.00
9	SJKC Sin Bin	RM 30,000.00
10	SJK ( C ) Hwa Lien	RM23,515.00
11	SJK ( C ) Tshing Nian	RM30,000.00
12	SJKT Jalan Tepi Sungai	RM20,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM178,515.00</b>

TAHUN 2016		
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
1	SAR KAFA Integrasi Darul Ulum	RM10,000.00
2	KAFAI AI Hidayah Kg. Keretapi	RM5,000.00
3	Akademi Komtas 3	RM25,000.00
4	SRI Int. Al Farabi	RM30,000.00
5	Sek Men Islam Al Farabi	RM20,000.00
6	Pra Tahfiz Sekolah Islam Al Farabi	RM20,000.00
7	Pusat Tahfiz Al Quran Sofiuddin	RM20,000.00

TAHUN 2016		
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
8	Sekolah Rendah Islam Integrasi Al-Farabi	RM20,000.00
9	SJKC Hwa Lien	RM50,000.00
10	SJKC Keng Chee	RM30,000.00
11	SJKC Sin Bin	RM35,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM265,000.00</b>

TAHUN 2017		
BIL	NAMA SEKOLAH	KELULUSAN
1	Sekolah Rendah Islam Integrasi Al-Farabi	RM50,000.00
2	Sekolah Menengah Islam Al Farabi	RM30,000.00
3	Akademi Komtas Tiga	RM5,000.00
4	Akademi Islam Tahfiz Mandarin	RM50,000.00
5	Pra-Tahfiz Sekolah Islam Al-Farabi	RM20,000.00
6	Pusat Tahfiz Al Quran Sofiuddin	RM20,000.00
7	Sar (Integrasi) Al-Hidayah Kampung Keretapi	RM30,000.00
8	SAR Kafa Integrasi Darul Ulum	RM10,000.00
9	SJKC Sin Bin	RM40,000.00
10	SJKC Hwa Lien	RM50,000.00
11	SJKC Keng Chee	RM60,000.00
12	SJKT Jalan Tepi Sungai	RM20,000.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>RM385,000.00</b>